



# SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 3 NEGERI SARAWAK

## SEKTOR PERJUDIAN BERLESEN

DIKEMASKINI : 30 SEPTEMBER 2021

|  |   |  |                                  |                   |                         |     |
|--|---|--|----------------------------------|-------------------|-------------------------|-----|
| <b>Merangkumi</b>  | <b>WAKTU OPERASI</b>                                  | 7.00 am – 8.00 pm  | <b>WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN</b> | 8.00 am – 7.00 pm | <b>KAPASITI PEKERJA</b> | 80% |
| <b>Agensi Nombor Ramalan (NFO) – termasuk Induk dan Pusat Jualan</b>   | <b>AKTIVITI DAN PROTOKOL</b>                          |  |                                  |                   |                         |     |
|  | <b>TINDAKAN</b>                                       | <b>PENERANGAN RINGKAS</b>  |                                  |                   |                         |     |
| <b>Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan</b><br><ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.</li> <li>▪ Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM.</li> </ul>   | <b>1. KEBERSIHAN PREMIS</b>                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali sehari</li> <li>ii. Menggunakan cecair pencuci dengan kandungan sodium hypochlorite mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terutamanya tempat yang kerap disentuh</li> <li>iii. Proses pembersihan dan disinfeksi terutamanya di kawasan <i>umum (common area)</i> dilakukan sekurang-kurangnya 3 kali sehari dalam tempoh operasi</li> <li>iv. Proses pembersihan dan disinfeksi di kawasan yang kerap disentuh seperti pintu, kerusi, tempat pemegang, lif, tandas, kaunter, peralatan menulis dan lain-lain setiap kali selepas penggunaan seseorang pelanggan atau setiap jam dalam tempoh operasi</li> <li>v. Pemilik atau operator premis <b>DIWAJIBKAN</b> untuk memastikan ventilasi dan pengudaraan di dalam premis adalah mengikut standard <b>SOP on Ventilation Improvement at Non - Residential Building or Space</b> yang telah ditetapkan oleh SDMC</li> </ul>  |                                  |                   |                         |     |
|  | <b>2. PROTOKOL KESIHATAN (OPERATOR PREMIS)</b>        | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemilik atau operator premis mestilah melantik pekerja yang bertanggungjawab dalam melaksanakan SOP ini</li> <li>ii. Pekerja yang telah menerima dos vaksin lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja</li> <li>iii. Pemilik, operator dan pekerja premis digalakkan untuk menjalani ujian RTK – Antigen sendiri menggunakan <i>self saliva</i> secara berkala setiap 2 minggu sekali</li> <li>iv. Pemilik atau operator premis melaksanakan Program Kesedaran Awam seperti mempamerkan poster amalan pencegahan dan kawalan penularan COVID-19</li> </ul>  |                                  |                   |                         |     |
| <b>Arahan Tetap</b><br><ul style="list-style-type: none"> <li>• Peraturan 14 dan 16 P.U.(A) 293/2021</li> <li>• Akta 342</li> <li>• PPHO 1999</li> <li>• Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021.</li> <li>• Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak</li> <li>• Arahan dan peraturan di bawah PBT.</li> <li>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.</li> </ul> | <b>3. PENGURUSAN PELANGGAN</b>                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemilik atau operator premis mestilah melantik pekerja untuk menyelia kemasukkan pelanggan ke dalam premis</li> <li>ii. Pemilik atau operator premis dan pekerja premis <b>DIWAJIBKAN</b> untuk memastikan hanya pelanggan dengan status "<i>Low Risk</i>" termasuk "<i>Casual Contact Low Risk</i>" dalam MySejahtera dan telah lengkap dos vaksin COVID-19 <b>DIBENARKAN</b> masuk</li> <li>iii. Operator premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke dalam premis dengan penjarakan fizikal 1 meter</li> <li>iv. Mewajibkan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa mengikut keluasan premis perniagaan pelanggan dengan penetapan satu (1) orang bagi setiap empat (4) meter persegi ruang lantai niaga</li> <li>v. Sekiranya didapati premis dikunjungi oleh pesakit COVID-19, premis hendaklah didisinfeksi sebelum dibuka kepada pelanggan</li> </ul>   |                                  |                   |                         |     |
|  | <b>4. SARINGAN KESIHATAN DAN APLIKASI MYSEJAHTERA</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pengguna aplikasi MySejahtera untuk rekod kehadiran pekerja dan pelanggan adalah diwajibkan di kawasan capaian internet</li> <li>b) Pengecualian diberikan bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai capaian internet khususnya di kawasan kampung dan pedalaman</li> <li>c) Membuat saringan suhu badan pada pekerja dan pelanggan. Individu dengan suhu melebihi 37.5°C tidak dibenarkan untuk memasuki premis</li> <li>d) Pemilik atau operator premis wajib memaparkan notis penerimaan pelanggan yang telah lengkap dos vaksin COVID-19 dan tidak bergejala sahaja di pintu masuk premis</li> <li>e) Pemilik premis atau operator perlu memaparkan di pintu masuk premis jumlah pekerja yang telah lengkap dos vaksin COVID-19</li> <li>f) Operator dan pekerja yang terdedah hendaklah membuat ujian RTK – Antigen <i>swab</i></li> <li>i. Sekiranya operator atau pekerja didapati positif COVID-19, premis hendaklah ditutup sehingga dibasmi kuman dengan sempurna (Seksyen 18 (1)(d) di bawah Akta 342)</li> </ul> |                                  |                   |                         |     |



# SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 3 NEGERI SARAWAK

## SEKTOR PERJUDIAN BERLESEN

| Merangkumi  | WAKTU OPERASI   | 7.00 am – 8.00 pm  | WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN | 8.00 am – 7.00 pm | KAPASITI PEKERJA | 80% |
|---|---|--|---------------------------|-------------------|------------------|-----|
| Agensi Nombor Ramalan (NFO) – termasuk Induk dan Pusat Jualan   | <b>AKTIVITI DAN PROTOKOL</b>  |  |                           |                   |                  |     |
| <b>Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan</b>   | <b>TINDAKAN</b>   | <b>PENERANGAN RINGKAS</b>  |                           |                   |                  |     |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.</li> <li>Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM.</li> </ul> | <b>6. PENGGUNAAN HAND SANITIZER</b>   | Menyediakan <i>hand sanitizer</i> di pintu masuk dan Kawasan umum ( <i>common area</i> ) untuk kegunaan pekerja dan pelanggan di dalam premis  |                           |                   |                  |     |
|   | <b>7. PEMAKAIAN PELITUP MUKA (FACE MASK)</b>  | Mewajibkan pemakaian pelitup muka oleh pekerja dan pelanggan ketika berurusan. Pekerja dikehendaki menggunakan <b>Face Shield berserta pelitup muka</b> semasa bertugas  |                           |                   |                  |     |
|   | <b>8. PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyelaras dan memantau supaya semua peraturan dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan</li> <li>ii. Meningkatkan kesedaran tentang kebersihan premis dan pekerja</li> </ul>  |                           |                   |                  |     |
|   | <b>9. PENJARAKAN FIZIKAL</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menghadkan bilangan pekerja dan pelanggan di dalam premis berdasarkan penjarakan fizikal sekurang - kurangnya 1 meter</li> <li>ii. Menghadkan pembukaan kaunter di dalam premis pada satu-satu masa untuk memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</li> <li>iii. Memastikan kawal selia yang menyeluruh dan pematuhan kepada jarak fizikal di dalam premis sewaktu operasi perniagaan terutamanya pada waktu kemuncak</li> <li>iv. Penggunaan <i>traffic cone</i> atau <i>floor tape marking</i> sebagai panduan pekerja dan pelanggan</li> <li>v. Memastikan notis dan papan tanda pematuhan dipamerkan dengan jelas</li> </ul> |                           |                   |                  |     |
|   | <b>10. PROSES CABUTAN</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memastikan proses cabutan diadakan dengan telus di lokasi yang ditetapkan dengan kapasiti kehadiran mengikut keluasan saiz premis</li> <li>ii. Memastikan kehadiran pekerja dan orang awam yang telah lengkap dos vaksin COVID-19 sahaja semasa proses cabutan berlangsung</li> </ul>  |                           |                   |                  |     |
|   | <b>11. PEMERIKSAAN MENGEJUT</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pegawai Penguatkuasa akan mengadakan pemeriksaan mengejut di premis pada bila-bila masa sahaja</li> <li>ii. Pegawai Penguatkuasa dibenarkan untuk mengakses rakaman CCTV di premis pada bila-bila masa sahaja</li> <li>iii. Premis akan diarahkan tutup jika tidak mematuhi SOP ini atau terdapat pekerja yang dijangkiti virus COVID-19</li> </ul>  |                           |                   |                  |     |
| <b>Arahan Tetap</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Peraturan 14 dan 16 P.U.(A) 293/2021</li> <li>Akta 342</li> <li>PPHO 1999</li> <li>Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021.</li> <li>Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak</li> <li>Arahan dan peraturan di bawah PBT.</li> <li>Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.</li> </ul> |  |                           |                   |                  |     |